

02 SEP 1998

Mokhtar-Ringggit

TIBA MASA UNTUK BAWA PULANG RINGGIT, KATA WAN MOKHTAR

KUALA TERENGGANU, 2 Sept (Bernama) -- Sudah tiba masanya untuk rakyat Malaysia yang berada di luar negara menjual aset mereka di sana dan membawa pulang ringgit ke negara ini untuk membeli saham di samping membantu memulihkan ekonomi negara, kata Menteri Besar Terengganu Tan Sri Wan Mokhtar Ahmad hari ini.

Beliau berkata inilah masanya untuk mereka membeli saham-saham di pasaran tempatan yang ketika ini berada di paras yang rendah dan menguntungkan untuk mereka berbuat demikian.

Selain itu langkah kerajaan mengumumkan kawalan tukaran mata wang ringgit semalam juga tepat pada masanya bagi mengelakkan individu-individu mengambil kesempatan memperdagangkan mata wang ringgit di luar negara, katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat mingguan Exco di Wisma Darul Iman dekat sini.

Kawalan itu menghadkan jumlah keluar masuk wang tunai berkuatkuasa 1 Okt ini dan mengikat nilai ringgit pada kadar yang tetap. Mata wang ringgit juga tidak lagi sah diperlakukan di luar negara mulai tarikh itu.

"Langkah itu juga mampu menghalau `wang panas' daripada terus menguasai pasaran saham tempatan dan memberi kelebihan serta perlindungan kepada perlaburan asing di negara ini dalam memulihkan ekonomi, kewangan dan bursa saham negara," katanya.

Beliau juga berharap agar kerajaan pusat dapat membuat lebih banyak lagi langkah-langkah untuk mengawal ringgit daripada terus jatuh di samping mengukuhkan nilai mata wang negara itu daripada serangan spekulator melalui luar pesisir.

Wan Mokhtar berkata demikian ketika diminta mengulas langkah drastik Kerajaan Persekutuan yang bertujuan menstabilkan ringgit dan melindungi Malaysia daripada kesan perkembangan terkini dalam persekitaran ekonomi dan kewangan dunia.

Sejak ringgit di serang Julai tahun lepas, nilainya telah jatuh hingga 40 peratus berbanding dolar Amerika dan ini menyebabkan kegawatan ekonomi bertambah buruk akibat kadar tukaran yang tinggi itu.

Mengenai kesannya kepada pelaburan asing, beliau berkata langkah (yang diambil) itu adalah untuk menstabilkan ekonomi negara untuk memberikan keyakinan kepada pelabur, selain itu mereka (pelabur) juga melihat kepada kestabilan politik negara yang hendak dibuat dibuat sebarang perlaburan.

Mengambil contoh di Thailand, Filipina dan Indonesia, beliau berkata selain ketidakstabilan ekonomi negara-negara itu serta keadaan politik yang tidak menentu, pelabur lebih berminat untuk melabur di Malaysia yang lebih stabil politiknya serta langkah pemulihan ekonomi yang sedang dilakukan oleh pucuk pimpinan negara.

Ditanya mengenai pertemuannya dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Kuala Lumpur semalam, Wan Mokhtar berkata mereka hanya berbincang mengenai masalah ekonomi sahaja.

-- BERNAMA

SBS PR